



26 April 2026

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Fredoline Babiah

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

- **PJA:** Revd. Majetus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Revd. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdenan Atonis

Revd. Alexander Nenotek

Ps. Christinah Simon

Mesej rektor...

PEMBERIAN KERJASAMA MISI



Sebab pelayan kasih yang berisi pemberian ini bukan hanya mencukupkan keperluan-keperluan orang-orang kudus, tetapi juga melimpahkan ucapan syukur kepada Allah. Dan oleh sebab kamu telah tahan uji dalam pelayan itu, mereka memuliakan Allah karena ketaatan kamu dalam pengakuan akan Injil Kristus dan karena kemurahan hatimu dalam membagikan segala sesuatu dengan mereka dan dengan semua orang. (2 Korintus 9:12-13)

Petikan Alkitab ini mengingatkan kita bahawa pemberian misi adalah lebih daripada sekadar bantuan praktikal, tetapi juga kesaksian yang kuat tentang kasih karunia Tuhan yang bekerja dalam diri kita. Pemberian kita menunjukkan ketaatan kita dan tindakan 'melakukan apa yang dikatakan' (walk the talk), yang mendatangkan pujian dan kesyukuran kepada Tuhan, bagi mereka yang menerima sokongan. Ia menunjukkan bahawa pemberi sama penting dengan mereka yang pergi. Hanya melalui kerjasama yang kukuh seperti ini, barulah misi akan berjaya.

Seperti tentera di barisan hadapan yang memerlukan sokongan penuh daripada bahagian "barisan belakang" untuk berjaya, 200 peserta misi kita juga memerlukan penyokong yang setia untuk membantu mereka untuk melaksanakan atau memenuhi tujuan misi mereka. Oleh itu, untuk mencapai sasaran kita, kami akan mengadakan kutipan khas untuk misi tahun ini.

Kami mendorong semua orang (yang memberi dan yang pergi) menabur atau memberi RM100 atau RM20 setiap minggu untuk lima minggu akan datang pada bulan Mei ke dalam Dana Misi SPC kita. Sokongan ini akan membantu untuk menampung kos bagi semua peserta misi kita yang memerlukan bantuan kewangan akibat kenaikan kos perjalanan dan sebagainya.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

Anglikan
Diosis Sabah



dari muka surat sebelah...

Sila nyatakan **Misi** sebagai tujuan pemberian anda sama ada secara dalam talian/Boost atau menggunakan sampul persembahan gereja.

Marilah kita bekerjasama berganding bahu, yang memberi dan yang pergi untuk kemuliaan Tuhan.

Berita

PERAYAAN HARI IBU

10 Mei 2026 (Ahad) | 11:00 pagi
Rumah Doa

Seluruh jemaat didorong untuk hadir bagi sama-sama memeriahkan perayaan ini!

MENARA DOA

27 April 2026 (Isnin) | 7:30 malam
Gereja St. Patrick
Tema Doa : Negeri Sabah

*"Usahakanlah kesejahteraan kota ke mana kamu Aku buang, dan berdoalah untuk kota itu kepada TUHAN, sebab kesejahteraannya adalah kesejahteraanmu."
Yeremia 29:7*

PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Henderson Bin Johni
&
Rashida Rabai A/k Rumpoh

Sekiranya jemaat mengetahui sebab mereka tidak dapat disatukan dalam nikah kudus sila maklumkan kepada pihak gereja.

Sebagai makluman ini merupakan pengumuman yang **kedua**.

KELAS PENETAPAN

Setiap hari Rabu
7:30 malam | Bilik Joy

SUKANEKA KELUARGA SPC

01 Mei 2026 (Jumaat)
7:00 pagi
Padang SM St. Patrick

Nota : Sila bawa keperluan asas seperti tuala kecil dan air minuman

NOTIS

Kelompok Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi direhatkan pada :
26 April - 02 Mei 2026

SEL KANAK-KANAK

1. Program Hari Ibu Sel Kanak-Kanak
Tema : "Ibuku Terhebat"
10 Mei 2026 (Ahad) | 8:30 pagi | Bilik Joy

2. Liga Bola Sepak Sel Kanak-Kanak
- Yuran : RM20.00 seorang (Jersi dan medal sahaja)
- Bermula 06 Jun 2026 (Sabtu)
- Tarikh Pembayaran Yuran : 10 Mei 2026 (Ahad)

Terbuka kepada kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah.

*Sebarang pertanyaan sila hubungi
En. Meros Majar : 016 907 4951*



E-BULETIN

Muat turun E-Buletin melalui
laman web
<https://www.hoprayer.org.my>

KELAS PEMBAPTISAN

Setiap Selasa bermula 05 Mei 2026
7:30 malam | Aplikasi Zoom
(Kelas akan berjalan selama 5 minggu)

Sila ambil borang pembaptisan di
Pusat Sumber Gereja atau di meja
kaunter Rumah Doa.

Tarikh Tutup Penghantaran Borang :
03 Mei 2026 (Ahad)

PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan

Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

PELANCARAN LAWATAN MISI

Jemaat yang berminat untuk menyertai Lawatan Misi, sila ambil borang pendaftaran di Pusat Sumber Gereja.

Kami akan mengumpulkan jumlah peserta pada 11 Mei (Isnin), dan latihan akan dimulakan dalam masa terdekat.

Oleh itu, jemaat yang telah mengambil borang didorong untuk menghantar borang tersebut kepada Pemimpin Sel atau Staf Gereja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Bahasa Inggeris

Doris Chin 013 888 0995

Bahasa Cina

Allan Chung - 012 813 3000

Bahasa Malaysia

Lareus Loko - 016 879 3501

*"Pergilah ke seluruh dunia,
beritakanlah Injil."*

Markus 16:15

BERDOA UNTUK NEGARA MALAYSIA

- Berdoalah agar Malaysia selaras dengan kehendak dan tujuan Tuhan, memilih jalan yang benar yang membawa berkat jangka panjang, kestabilan, dan kebenaran bagi generasi akan datang.
- Berdoalah agar orang-orang percaya di seluruh Malaysia bangkit daripada rutin rohani dan kembali hidup dalam iman mereka, memulihkan kasih yang mula-mula, suatu kerinduan yang mendalam akan hadirat-Nya, Firman-Nya, dan jalan-jalan-Nya; serta mencari hubungan yang lebih intim dengan-Nya. Mohon agar api yang baru dicurahkan ke dalam gereja-gereja, supaya umat benar-benar lapar akan Tuhan dan mengejar-Nya dengan sepenuh hati.

YANG MEMBERI DAN YANG PERGI

FILIPi 4:14-20

1. Yang Memberi Dan Yang Pergi

Filipi 4:15-16 "Kamu sendiri tahu juga, hai orang-orang Filipi; pada waktu aku baru mulai mengabarkan Injil, ketika aku berangkat dari Makedonia, tidak ada satu jemaat pun **yang mengadakan perhitungan hutang dan piutang dengan aku** selain dari pada kamu. Karena di Tesalonika pun kamu telah satu dua kali mengirimkan bantuan kepadaku."

2. Berkat Dalam Pemberian Yang Setia

Filipi 4:17-18 "Tetapi yang kuutamakan bukanlah pemberian itu, **melainkan buahnya, yang makin memperbesar keuntunganmu**. Kini aku telah menerima semua yang perlu dari padamu, malahan lebih dari pada itu. Aku berkelimpahan, karena aku telah menerima kirimanmu dari Epafroditus, **suatu persembahan yang harum, suatu korban yang disukai dan yang berkenan kepada Allah.**"

3. Janji Penyediaan

Filipi 4:19-20 "**Allahku akan memenuhi segala keperluanmu menurut kekayaan dan kemuliaan-Nya** dalam Kristus Yesus. Dimuliakanlah Allah dan Bapa kita selama-lamanya! Amin."